

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WILSON UGAK
KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 17.03.2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan status projek solar hibrid yang
terbengkalai di Long Kajang dan Lusong Laku.

Jawapan :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sistem solar hibrid di Long Kajang dan Lusong Laku tidak terbengkalai dan masih dalam pelaksanaan.

Projek ini lewat disiapkan kerana isu perpindahan tapak stesen dan masalah halangan (*blockage*) untuk membawa bahan binaan menggunakan jalan perhubungan sedia ada oleh penduduk kampung. Selepas beberapa sesi dialog dan perbincangan, isu ini telah diselesaikan dan sistem solar hibrid di Long Kajang akan mula berfungsi sepenuhnya pada 30 Mac 2015. Bagi stesen solar hibrid di Lusong Laku pula, Kementerian mengunjurkan bahawa penduduk kampung akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik pada 30 Mei 2015.